

BAB 5

ANALISIS DATA

PENGGUNAAN BAHASA DI KALANGAN PELAJAR

5.0 Pengenalan

Penggunaan bahasa dalam sesuatu kelompok masyarakat dapat dikesan daripada bentuk pemilihan bahasa yang berlaku dalam komuniti tersebut. Untuk melihat penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu di Selatan Thailand, bentuk pemilihan bahasa di kalangan pelajar ini diteliti mengikut domain. Pemilihan bahasa berlaku apabila kelompok komuniti itu bersifat bilingual atau multilingual.

Seperti yang telah diterangkan dalam bab 3, yakni 3.3.2 iaitu Penguasaan Bahasa Responden, rata-rata responden dalam kajian ini bersifat menguasai lebih daripada satu bahasa. Apabila anggota sesuatu komuniti itu bersifat dwibahasa atau pelbagai bahasa, maka berlakulah pemilihan terhadap bahasa mana yang patut digunakan dalam sesuatu masa.

5.1 Domain Penggunaan Bahasa Pelajar Selatan Thai

Dalam usaha mengkaji bentuk pemilihan bahasa di kalangan pelajar kursus Bahasa Melayu di Selatan Thai ini, telah dapat dikesan enam domain penggunaan bahasa yang terbentuk dari gabungan tempat, topik dan peserta. (Fishman 1964, Greenfield 1972, Parasher 1980). Pemilihan bahasa dalam keenam-enam domain ini dapat memperlihatkan situasi penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar.

Enam domain yang dikesan dalam perhubungan komuniti pelajar di Selatan Thai ini adalah domain kekeluargaan, kejiranan, persahabatan, pentadbiran dan pengurusan, jual beli dan keagamaan. Domain kekeluargaan adalah situasi perbualan dengan anggota keluarga terdekat dalam situasi tidak formal. Topik perbualan berkisar tentang hal-hal kekeluargaan dan juga kehidupan seharian. Domain kekeluargaan ini terbahagi kepada lima jenis, iaitu perhubungan dengan ibu bapa, perhubungan dengan adik beradik, perhubungan dengan ibu saudara dan bapa saudara, perhubungan dengan sepupu dan perhubungan dengan datuk nenek.

Domain kejiranan pula adalah situasi perhubungan dengan orang yang rumahnya terletak di sekeliling rumah responden, iaitu tempat responden tinggal bersama keluarga semasa cuti semester. Bagi pelajar biasanya semasa cuti semester atau penggal mereka akan pulang ke rumah keluarga masing-masing di

kampung tempat ibu bapa atau keluarga mereka tinggal. Tempat tinggal atau kampung halaman responden yang dikaji ini adalah kelompok beberapa buah rumah yang dibina secara berdekatan. Jiran atau peserta ini dibahagikan mengikut umur. Terdapat empat kelompok umur jiran, iaitu kurang daripada 20 tahun, 21 hingga 40 tahun, 41 hingga 60 tahun dan lebih daripada 60 tahun.

Domain kejiranan ini dibezakan dengan domain persahabatan. Domain persahabatan lebih luas, yakni tidak terhad di perkampungan mereka sahaja. Dari segi umur, biasanya hampir sebaya dengan responden. Dalam kajian ini domain persahabatan terbahagi kepada empat jenis perhubungan, iaitu perhubungan dengan rakan sekursus di dalam kampus, perhubungan dengan rakan sekursus di luar kampus, perhubungan dengan rakan sekampung di dalam kampus dan perhubungan dengan rakan sekampung di luar kampus.

Domain seterusnya ialah domain pentadbiran dan pengurusan. Domain pentadbiran dan pengurusan di sini bermaksud situasi perhubungan pelajar atau responden apabila berurusan dalam urusan-urusan rasmi yang berkaitan dengan pelajar, iaitu situasi perhubungan ketika berurusan dengan jabatan kerajaan, perhubungan ketika berurusan di bank, perhubungan ketika berurusan di pejabat fakulti dan perhubungan ketika berurusan di hospital atau klinik. Domain ini bersifat formal dan berlatarkan urusan pejabat. Urusan pelajar dengan pejabat kerajaan ini biasanya seperti memohon biasiswa, urusan membuat kad pengenalan dan sebagainya. Urusan di bank pula adalah seperti membuka akaun bank,

pengeluaran dan penyimpanan wang. Urusan di Pejabat Fakulti pula adalah seperti pendaftaran kursus, pembayaran yuran pengajian, penghantaran kertas projek dan sebagainya. Perhubungan di hospital dan klinik pula adalah ketika ada urusan ke tempat tersebut, seperti untuk mendapatkan rawatan dan pemeriksaan kesihatan di hospital atau klinik.

Domain jual beli pula adalah situasi perhubungan dengan pekedai, jurujual atau peniaga. Urusan jual beli ini boleh berlaku sama ada di dalam kampus atau di luar kampus. Dalam kajian ini ururan jual beli terbahagi kepada perhubungan di pasar raya/ gedung beli belah, perhubungan di kedai makan/kafetaria, perhubungan di farmasi/kedai ubat, perhubungan di gerai dan pasar dan perhubungan di kedai buku dan alat tulis.

Domain yang terakhir yang dapat dikesan dalam kajian ini adalah domain keagamaan. Seperti yang telah dinyatakan dalam 4.3.1 Latar Belakang Responden, berdasarkan agama seramai 114 orang responden beragama Islam dan selebihnya iaitu 33 orang beragama Buddha. Domain keagamaan yang terdapat dalam komuniti pelajar ini berlatarbelakangkan upacara keagamaan, sama ada di rumah atau asrama, masjid/surau atau tempat ibadat bagi yang bukan Islam, majlis perkahwinan/ pertunangan dan kelahiran/ kematian.

5.1.1

Domain kekeluargaan

Dalam domain kekeluargaan, penelitian akan dibuat terhadap bahasa yang digunakan oleh responden dalam hubungan dengan ahli keluarga terdekat, iaitu ibu bapa, adik beradik, ibu saudara dan bapa saudara, sepupu serta datuk dan nenek.

5.1.1.1 **Perhubungan dengan ibu bapa**

Daripada seramai 147 orang responden, 45 orang (30.6 peratus) mengaku menggunakan bahasa Thai semasa berhubung dengan ibu mereka. Sejumlah besar, iaitu 79 orang (53.7 peratus) menggunakan bahasa Melayu¹. Sebanyak 17 orang (11.6 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan Thai. Apabila ditanya kepada responden dalam kumpulan ini, mereka mengatakan kadang-kadang mereka menggunakan bahasa Thai, kadang-kadang menggunakan bahasa Melayu. Ada ketikanya mereka menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai dalam bentuk percampuran kod. Bakinya iaitu seramai 6 orang (4.1 peratus) lagi menggunakan bahasa selain daripada bahasa Melayu dan Thai. Mereka ini menggunakan sama ada bahasa Arab atau bahasa Inggeris.

Ketika berhubung dengan bapa pula, seramai 46 orang (31.3 peratus) menggunakan bahasa Thai. Sebahagian besar responden, iaitu seramai 86 orang

¹ Bahasa Melayu yang dimaksudkan di sini bukanlah bahasa Melayu Standard tetapi bahasa Melayu dialek Patani, seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 1.

(58.5 peratus) menggunakan bahasa Melayu. Seramai 14 orang (9.5 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai. Apabila ditanya kepada responden bagaimana mereka menggunakan kedua-dua bahasa ini sekaligus, mereka memberikan jawapan yang sama seperti sebelumnya iaitu, kadang-kadang mereka menggunakan bahasa Thai, kadang-kadang menggunakan bahasa Melayu. Ada ketikanya mereka menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai dalam bentuk percampuran kod. Baki selebihnya iaitu seorang (0.7 peratus) mengatakan beliau menggunakan bahasa Arab apabila berhubung dengan bapa beliau.

Jadual 5.1: Bahasa yang Digunakan dalam Perhubungan dengan Ibu dan Bapa

Bahasa	Perhubungan Dengan Ibu		Perhubungan Dengan Bapa	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
Thai	45	30.6	46	31.3
Melayu	79	53.7	86	58.5
Melayu + Thai	17	11.6	14	9.5
Lain-lain	6	4.1	1	0.7
Jumlah	147	100.0	147	100.0

Jadual 5.1 di atas menunjukkan bahawa bahasa Melayu digunakan sebahagian besar pelajar ini ketika berhubung dengan ibu bapa. Bahasa Thai pula digunakan dalam lingkungan 30 peratus responden. Sehubungan itu, seramai 33 orang (22.4 peratus) responden adalah beragama Buddha. Semua responden yang beragama Buddha ini memilih menggunakan bahasa Thai. Jumlah responden yang beragama Islam pula seramai 114 orang. Ini bermakna hanya sekitar 12 orang (8.2 peratus) responden yang beragama Islam yang menggunakan bahasa Thai apabila berhubung dengan ibu mereka dan 13 orang (8.8 peratus) menggunakan Thai untuk berhubung dengan bapa mereka.

5.1.1.2 Perhubungan dengan adik-beradik

Perhubungan dengan adik-beradik merujuk kepada penggunaan bahasa dengan abang dan/atau kakak dan adik. Dalam perhubungan dengan abang dan/atau kakak, 53 orang responden (36.1 peratus) mengaku menggunakan bahasa Thai, 65 orang (44.2 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan selebihnya, iaitu 29 orang (19.7 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod.

Bagi perhubungan dengan adik pula, 51 orang (34.7 peratus) menggunakan bahasa Thai, 67 orang (45.6 peratus) menggunakan bahasa Melayu. Selebihnya, iaitu 29 orang (19.7 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod.

Jadual 5.2: Bahasa yang Digunakan dalam Perhubungan dengan Adik-beradik

Bahasa	Perhubungan Dengan Abang/kakak		Perhubungan Dengan Adik	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
Thai	53	36.1	51	34.7
Melayu	65	44.2	67	45.6
Melayu + Thai	29	19.7	29	19.7
Lain-lain	0	0	0	0
Jumlah	147	100.0	147	100.0

Daripada Jadual 5.2 di atas, jelas menunjukkan bahasa yang menjadi pilihan utama dalam perhubungan dengan adik beradik adalah bahasa Melayu. Bahasa Thai menjadi bahasa pilihan kedua. Hanya 19.7 peratus sahaja responden yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai. Didapati juga semua responden yang beragama Buddha, iaitu seramai 33 orang merupakan responden yang memilih bahasa Thai sebagai bahasa perhubungan dengan adik-beradik.

5.1.1.3 Perhubungan dengan Ibu dan Bapa Saudara

Dalam perhubungan dengan bapa saudara, seramai 48 orang (32.7 peratus) memilih menggunakan bahasa Thai, 86 orang (58.5 peratus) memilih menggunakan bahasa Melayu. Selebihnya, iaitu seramai 13 orang (8.8 peratus) memilih untuk menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod.

Jadual 5.3: Bahasa yang Digunakan dalam Perhubungan dengan Bapa Saudara dan Ibu Saudara

Bahasa	Perhubungan Dengan Bapa Saudara		Perhubungan Dengan Ibu Saudara	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
Thai	48	32.7	48	32.7
Melayu	86	58.5	85	57.8
Melayu + Thai	13	8.8	14	9.5
Lain-lain	0	0	0	0
Jumlah	147	100.0	147	100.0

Dalam perhubungan dengan ibu saudara juga dapatannya hampir serupa. Seramai 48 orang (32.7 peratus) memilih menggunakan bahasa Thai, 85 orang memilih menggunakan bahasa Melayu, dan selebihnya, iaitu seramai 14 orang (9.5 peratus) memilih untuk menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai.

Daripada Jadual 5.3 di atas, jelas menunjukkan bahawa, bagi perhubungan dengan ibu dan bapa saudara, bahasa pilihan utama responden adalah bahasa Melayu. Bahasa Thai menjadi pilihan kedua terbanyak. Rata-rata responden yang memilih untuk menggunakan bahasa Thai adalah beragama Buddha. Bilangan responden yang memilih untuk menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod adalah sedikit, iaitu di bawah 10.0 peratus.

5.1.1.4 Perhubungan dengan Sepupu

Dalam perhubungan dengan sepupu, didapati seramai 54 orang (36.7 peratus) menggunakan bahasa Melayu, 65 orang (44.3 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan selebihnya, iaitu 28 orang (19.0 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod.

Jadual 5.4: Bahasa yang Digunakan dalam Perhubungan dengan Sepupu

Bahasa	Perhubungan Dengan Sepupu	
	Bilangan	Peratusan
Thai	54	36.7
Melayu	65	44.3
Melayu + Thai	28	19
Lain-lain	0	0
Jumlah	147	100.0

Daripada Jadual 5.4 di atas, didapati bahasa yang menjadi pilihan dalam hubungan dengan sepupu adalah bahasa Melayu. Bahasa Thai menjadi pilihan kedua terbanyak. Didapati dapatan hampir serupa dengan soalan dalam 5.1.1.2, iaitu perhubungan dengan adik beradik. Ini menunjukkan angkubah umur dan generasi memainkan peranan dalam pemilihan penggunaan bahasa. Angkubah agama didapati amat berpengaruh. Rata-rata responden yang memilih untuk menggunakan bahasa Thai adalah beragama Buddha, manakala responden yang beragama Islam memilih sama ada untuk menggunakan bahasa Thai, bahasa Melayu ataupun bahasa Thai dan bahasa Melayu secara percampuran kod.

5.1.1.5 Perhubungan dengan Datuk dan Nenek

Dalam perhubungan dengan datuk dan nenek, didapati seramai 46 orang (31.3 peratus) menggunakan bahasa Thai, 94 orang (64.0 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan selebihnya, iaitu 7 orang (4.7 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod.

Jadual 5.5 : Bahasa yang Digunakan dalam Perhubungan dengan Datuk dan Nenek

Bahasa	Perhubungan dengan Datuk dan Nenek	
	Bilangan	Peratusan
Thai	46	31.3
Melayu	94	64.0
Melayu + Thai	7	4.7
Lain-lain	0	0
Jumlah	147	100.0

Berdasarkan Jadual 5.5 di atas, jelas menunjukkan bahasa yang menjadi pilihan utama dalam perhubungan dengan datuk dan nenek adalah bahasa Melayu. Bilangan responden yang menggunakan bahasa Melayu untuk berhubung dengan datuk dan nenek ini adalah sebanyak 64.0 peratus. Bahasa Thai menjadi pilihan kedua dan hanya sebahagian kecil responden, iaitu 4.7 peratus sahaja yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod. Didapati juga semua responden yang beragama Buddha memilih menggunakan bahasa Thai untuk berhubung dengan datuk dan nenek.

Berdasarkan dapatan dalam jadual-jadual di atas, didapati dalam domain kekeluargaan bahasa Melayu menjadi pilihan utama responden. Angkubah agama amat berpengaruh kerana daripada pemerhatian dan penelitian, didapati rata-rata responden yang beragama Buddha menggunakan bahasa Thai dalam domain kekeluargaan. Bagi responden yang beragama Islam pula umur peserta dan daerah tempat tinggal, turut mempengaruhi peratus pemilihan dan penggunaan bahasa mereka. Walaupun bahasa Melayu menjadi pilihan utama responden yang beragama Islam, peratus penggunaannya berbeza mengikut peserta/generasi dan daerah asal. Peratusan responden yang menggunakan bahasa Melayu ketika berhubung dengan datuk dan nenek adalah paling tinggi, iaitu 64.0 peratus. Peratusan ini menurun dalam perhubungan dengan ibu bapa dan ibu dan bapa saudara, iaitu ibu 53.7 peratus, bapa 58.5 peratus, bapa saudara 58.5 peratus dan ibu saudara 57.9 peratus. Dalam perhubungan dengan adik beradik dan sepupu pula, peratusan penggunaan bahasa Melayu semakin menurun, iaitu abang/kakak

44.2 peratus, adik 45.6 peratus dan sepupu 44.2 peratus. Daripada pemerhatian, terdapat sebilangan responden yang beragama Islam yang menggunakan bahasa Thai sahaja dalam domain kekeluargaan. Kampung halaman atau daerah asal mereka ini kebanyakannya bukan dari wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat. Mereka didapati dari wilayah lain seperti Satun, Nakhon Sri Tammarat, Songkla dan sebagainya.

5.1.2 **Domain Kejiranan**

Dalam domain kejiranan, terdapat tiga bentuk bahasa yang sering digunakan oleh pelajar, iaitu bahasa Thai, bahasa Melayu dan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod. Walaupun ada bahasa lain yang digunakan, namun bilangan responden yang menggunakan bahasa berkenaan amat kecil. Dalam konteks kejiranan, biasanya pemilihan bahasa yang digunakan bergantung kepada penguasaan bahasa individu dan penguasaan bahasa jiran yang menjadi interlokutor. Kedudukan rumah, yang menentukan siapa jiran responden juga mempengaruhi bahasa yang digunakan.

Jadual 5.6 di bawah menunjukkan penggunaan bahasa responden dalam domain kejiranan. Untuk tujuan analisis, domain kejiranan dibahagikan mengikut umur mereka, iaitu dua puluh tahun ke bawah, dua puluh satu hingga empat puluh tahun, empat puluh satu hingga enam puluh tahun dan enam puluh satu tahun ke atas.

Jadual 5.6: Bahasa yang Digunakan dalam Perhubungan dengan Jiran

Bahasa	Jiran Umur 20 Tahun ke Bawah		Jiran Umur 21-40 Tahun		Jiran Umur 41-60 Tahun		Jiran Umur 61 Tahun ke Atas	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Thai	65	44.2	52	35.4	47	32.0	45	30.6
Melayu	52	35.4	63	42.9	88	59.0	92	62.6
Melayu + Thai	28	19.0	31	21.0	12	8.1	10	6.8
Lain-lain	2	1.4	1	0.7	0	0	0	0
Jumlah	147	100.0	147	100.0	147	100.0	147	100.0

Berdasarkan Jadual 5.6 di atas, didapati 65 orang (44.2 peratus) menggunakan bahasa Thai, 52 orang (35.4 peratus) menggunakan bahasa Melayu, 28 orang (19.0 peratus) dan 2 orang (1.4 peratus) menggunakan bahasa lain-lain ketika perhubungan dengan jiran yang berumur kurang dua puluh tahun. Apabila ditanya kepada responden tentang apakah bahasa lain yang digunakan oleh responden berkenaan, mereka mengatakan mereka menggunakan tiga bahasa

secara percampuran kod, iaitu bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Arab. Ini disebabkan mereka tinggal di kawasan sekolah pondok.

Apabila berhubung dengan jiran yang berumur dua puluh satu hingga empat puluh tahun, seramai 52 orang (35.4 peratus) mengatakan mereka menggunakan bahasa Thai, 63 orang (42.9 peratus) menggunakan bahasa Melayu, 31 orang (21.0 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod dan seorang (0.7 peratus) menggunakan bahasa lain. Responden berkenaan mengatakan beliau menggunakan bahasa Thai dan bahasa Inggeris secara percampuran kod kerana jirannya guru bahasa Inggeris.

Ketika berhubung dengan jiran yang berumur empat puluh satu hingga enam puluh tahun, seramai 47 orang (32.0 peratus) menggunakan bahasa Thai, 88 orang (59.0 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan seramai 12 orang (8.1 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod.

Akhir sekali, ketika berhubung dengan jiran yang berumur enam puluh satu tahun ke atas, seramai 45 orang (30.6 peratus) mengatakan menggunakan bahasa Thai, 92 orang (62.6 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan 10 orang (6.8 peratus) lagi menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod.

Berdasarkan data di atas menunjukkan umur jiran mempengaruhi pemilihan bahasa responden. Penggunaan bahasa Thai lebih banyak dalam perhubungan dengan responden yang berumur di bawah dua puluh tahun dan semakin berkurang penggunaannya apabila umur jiran meningkat. Peratusan responden yang memilih untuk menggunakan bahasa Thai apabila berhubung dengan jiran yang berumur dua puluh tahun ke bawah adalah 44.2 peratus. Peratusan responden yang memilih untuk menggunakan bahasa ini menurun kepada 35.4 peratus apabila berhubung dengan jiran berumur dua puluh satu hingga empat puluh tahun. Kemudian peratusan responden yang memilih untuk menggunakan bahasa ini menurun lagi kepada 32.0 peratus apabila berhubung dengan jiran yang berumur empat puluh satu hingga enam puluh tahun. Akhir sekali, peratusan responden yang memilih untuk menggunakan bahasa Thai dengan jiran yang berumur enam puluh satu tahun ke atas tambah menurun, iaitu 30.6 peratus sahaja yang menggunakan bahasa ini.

Sebaliknya, semakin meningkat umur jiran semakin bertambah peratusan responden yang menggunakan bahasa Melayu. Sebanyak 35.4 peratus responden memilih untuk menggunakan bahasa Melayu apabila berhubung dengan jiran yang berumur dua puluh tahun ke bawah. Angka ini meningkat kepada 42.9 peratus, apabila berhubung dengan jiran yang berumur dua puluh satu tahun hingga empat puluh tahun. Peratusan ini kemudiannya meningkat kepada 59.0 peratus apabila berhubung dengan jiran yang berumur empat puluh satu tahun hingga enam puluh tahun. Akhir sekali, peratusan responden yang memilih untuk

menggunakan bahasa Melayu ini tambah meningkat, iaitu 62.6 peratus apabila berhubung dengan jiran yang berumur enam puluh satu tahun ke atas.

Jadual 5.6 juga menunjukkan peratusan responden yang memilih untuk menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod juga mempunyai pola yang dipengaruhi oleh faktor umur jiran. Penggunaan bentuk bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod ini dipilih oleh 19.0 peratus responden ketika berhubung dengan jiran yang berumur dua puluh tahun ke bawah. Peratusannya kemudiannya meningkat kepada 21.8 peratus ketika responden berhubung dengan jiran yang berumur dua puluh satu hingga empat puluh tahun. Kemudian didapati peratusan penggunaan bentuk bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod ini menurun secara mendadak kepada hanya 8.2 peratus sahaja ketika berhubung dengan jiran yang berumur empat puluh satu hingga enam puluh tahun dan menurun lagi hingga kepada 6.8 peratus ketika berhubung dengan jiran yang berumur enam puluh satu tahun ke atas.

5.1.3 Domain persahabatan

Dalam domain persahabatan, ada beberapa perkara yang mempengaruhi pemilihan bahasa responden. Selain daripada penguasaan bahasa individu, faktor lain yang mempengaruhi responden ialah lokasi perbualan, daerah tempat tinggal asal sahabat yang menjadi interlokutor, situasi perbualan, sama ada formal atau tidak formal dan latar belakang persahabatan. Untuk memudahkan kajian,

pengkaji membahagikan sahabat kepada dua jenis, iaitu sahabat sekursus dan sahabat sekampung. Bagi setiap jenis sahabat itu dibahagikan lagi berdasarkan tempat perbualan dengan sahabat yang menjadi interlokutor itu, iaitu di dalam kampus dan di luar kampus.

5.1.3.1 Perhubungan Dengan Sahabat Sekursus Di Dalam Dan Luar Kampus

Bahasa yang dipilih oleh responden dalam perhubungan dengan sahabat sekursus di dalam kampus dan di luar kampus adalah sama ada bahasa Thai, bahasa Melayu, bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod, bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Arab secara percampuran kod dan bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Inggeris secara percampuran kod.

Seramai 81 orang (55.1 peratus) menggunakan bahasa Thai, 17 orang (11.5 peratus) menggunakan bahasa Melayu, 46 orang (31.3 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod, seorang (0.7 peratus) menggunakan bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Arab secara percampuran kod dan 2 orang (1.4 peratus) lagi menggunakan bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Inggeris secara percampuran kod dengan sahabat sekursus di dalam kampus.

Jadual 5.7: Bahasa yang Digunakan dalam Perhubungan dengan Sahabat Sekursus di dalam kampus dan luar kampus

Bahasa	Perhubungan dengan Sahabat di dalam Kampus		Perhubungan dengan Sahabat di luar Kampus	
	Bil.	%	Bil	%
Thai	81	55.1	76	51.7
Melayu	17	11.5	18	12.2
Melayu + Thai	46	31.3	51	34.7
Melayu + Thai + Arab	1	0.7	1	0.7
Melayu + Thai + Inggeris	2	1.4	1	0.7
Jumlah	147	100.0	147	100.0

Apabila ditanya, responden yang menggunakan bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Arab secara percampuran kod tersebut mengatakan kebanyakan sahabatnya mengikuti kursus Pengajian Islam dan Syariah. Bagi responden yang menggunakan bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Inggeris itu pula, seorang mengatakan kebanyakan sahabatnya mengikuti kursus di Jabatan Bahasa Inggeris dan seorang lagi mengatakan walaupun bahasa ibundanya bahasa Melayu, ibunya merupakan guru bahasa Inggeris.

Semasa berhubung dengan sahabat sekursus di luar kampus, 76 orang (51.7 peratus) menggunakan bahasa Thai, 18 orang (12.2 peratus) menggunakan bahasa Melayu, 51 orang (34.7 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod, seorang (0.7 peratus) menggunakan bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Arab secara percampuran kod dan seorang lagi menggunakan bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Inggeris secara percampuran kod. Responden yang menggunakan bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Arab secara percampuran kod tersebut mengatakan kebanyakan sahabatnya mengikuti kursus Pengajian Islam dan Syariah. Bagi responden yang menggunakan bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Inggeris pula, mereka mengatakan, walaupun bahasa ibundanya bahasa Melayu, ibunya merupakan guru bahasa Inggeris.

Bahasa Thai didapati menjadi pilihan utama kebanyakan responden bagi tujuan perhubungan dengan sahabat sekursus, sama ada di dalam kampus atau di luar kampus. Sebaliknya tidak ramai yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya, iaitu hanya 11.5 peratus untuk perhubungan dengan sahabat sekursus di dalam kampus dan hanya 12.2 untuk perhubungan dengan sahabat sekursus di luar kampus. Ini menunjukkan faktor tempat dan interlokutor amat mempengaruhi penggunaan bahasa. Apabila berada di dalam kampus, responden dipengaruhi oleh suasana pendidikan. Oleh yang demikian, bahasa Thai yang menjadi bahasa pengantar pendidikan menjadi pilihan utama responden apabila berhubung dengan sahabat sekursus. Di samping itu, latar belakang pendidikan

responden dan interlokutor yang sama-sama mendapat pendidikan tinggi hingga berjaya menjadi pelajar universiti, tentunya turut mempengaruhi. Di sini faktor keselesaan menggunakan bahasa kebangsaan di pusat pengajian cenderung mempengaruhi responden, walaupun tempat perhubungan dengan sahabat sekursus itu dilakukan di luar kampus.

Penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod untuk perhubungan dengan rakan sekursus di dalam kampus telah dipilih oleh 31.3 peratus dan sebanyak 34.7 peratus responden menggunakannya dalam perhubungan dengan sahabat di luar kampus. Didapati juga responden yang memilih penggunaan bahasa bentuk ini amat dipengaruhi oleh faktor daerah tempat tinggal asal atau kampung halaman mereka. Mereka yang memilih penggunaan bahasa bentuk ini kebanyakannya berasal dari kampung yang penduduknya menggunakan dialek Melayu Patani dalam perhubungan seharian. Hal yang sama juga terjadi kepada responden yang memilih menggunakan bahasa Melayu sahaja (sebanyak 11.5 peratus bagi perhubungan dengan sahabat sekursus di dalam kampus dan sebanyak 12.2 peratus bagi perhubungan dengan sahabat sekursus di luar kampus) dalam domain persahabatan ini. Mereka ini didapati berasal dari perkampungan Melayu di sempadan Malaysia seperti Takbai, Betong, Sungai Padi dan sebagainya.

5.1.3.2 Perhubungan Dengan Sahabat Sekampung Di Dalam Kampus Dan di Luar Kampus

Bahasa yang dipilih oleh responden dalam perhubungan dengan sahabat sekampung di dalam kampus dan di luar kampus adalah sama ada bahasa Thai, bahasa Melayu, bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod dan bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Arab secara percampuran kod.

Seramai 58 orang (39.5 peratus) menggunakan bahasa Thai, 37 orang (25.5 peratus) menggunakan bahasa Melayu, 51 orang (34.7 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod, seorang (0.7 peratus) menggunakan bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Arab secara percampuran kod dengan sahabat sekampung di dalam kampus.

Jadual 5.8 : Bahasa yang Digunakan dalam Perhubungan dengan Sahabat Sekampung di Dalam Kampus dan Luar Kampus

Bahasa	Perhubungan dengan Sahabat sekampung di dalam Kampus		Perhubungan dengan Sahabat Sekampung di luar Kampus	
	Bil.	%	Bil	%
Thai	58	39.5	63	42.9
Melayu	37	25.2	32	21.8
Melayu + Thai	51	34.7	51	34.7
Melayu + Thai + Arab	1	0.7	1	0.7
Jumlah	147	100.0	147	100.0

Semasa berhubung dengan sahabat sekampung di luar kampus pula, 63 orang (42.9 peratus) menggunakan bahasa Thai, 32 orang (21.8 peratus) menggunakan bahasa Melayu, 51 orang (34.7 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod dan seorang (0.7 peratus) lagi menggunakan bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Arab secara percampuran kod. Responden yang menggunakan bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Arab secara percampuran kod tersebut mengatakan bahawa di kampung beliau tinggal

di dalam kawasan sekolah pondok, dan bahasa Arab merupakan bahasa asing yang dipelajarinya sejak kecil.

Jadual 5.7 dan Jadual 5.8 di atas jelas menunjukkan interlokutor dan latar belakang tempat tinggalnya serta tempat berlakunya perhubungan mempengaruhi penggunaan bahasa responden. Berbanding dengan perhubungan dengan sahabat sekursus, perhubungan dengan sahabat sekampung ini menunjukkan walaupun penggunaan bahasa Thai masih menjadi pilihan utama responden, namun bilangan responden yang menggunakannya di dalam kampus berkurangan, iaitu daripada 55.1 peratus (perhubungan dengan sahabat sekursus di dalam kampus) kepada 39.5 peratus (perhubungan dengan sahabat sekampung di dalam kampus). Begitu juga dengan perhubungan dengan sahabat di luar kampus, iaitu berkurangan daripada 51.7 peratus (perhubungan dengan sahabat sekursus di luar kampus) kepada 42.9 peratus (perhubungan dengan sahabat sekampung di luar kampus).

Apabila dilihat bilangan responden yang menggunakan bahasa Melayu pula, didapati peratus penggunaannya meningkat, iaitu daripada hanya 11.5 peratus (perhubungan dengan sahabat sekursus di dalam kampus) kepada 25.2 peratus (perhubungan dengan sahabat sekampung di dalam kampus). Begitu juga dengan perhubungan dengan sahabat di luar kampus, iaitu meningkat daripada 12.2 peratus (perhubungan dengan sahabat sekursus di luar kampus) kepada 21.8 peratus (perhubungan dengan sahabat sekampung di luar kampus).

Responden yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod dalam domain persabahanan ini tidak dipengaruhi oleh faktor tempat berlakunya perhubungan tersebut. Ini dapat dilihat dengan jelas daripada peratusan responden yang memilih bentuk penggunaan bahasa sedemikian, iaitu bagi perhubungan dengan sahabat sekursus di dalam kampus, 31.3 peratus menggunakan bentuk bahasa ini. Angka tersebut meningkat sedikit kepada 34.7 peratus bagi perhubungan dengan sahabat sekursus di luar kampus. Bagi perhubungan dengan sahabat sekampung di dalam kampus dan di luar kampus, peratusnya sama sahaja, iaitu 34.7 peratus menggunakan bentuk bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod ini.

5.1.4 Domain Pentadbiran dan Pengurusan

Dalam domain pentadbiran dan pengurusan, ada beberapa perkara yang mempengaruhi pemilihan bahasa responden. Selain daripada penguasaan bahasa individu, faktor lain yang amat mempengaruhi responden ialah tempat berlakunya perbualan, interlokutor dan situasi perbualan sama ada formal atau tidak formal. Untuk memudahkan kajian, urusan pentadbiran dan pengurusan ini dibahagikan kepada empat jenis perhubungan, sesuai dengan urusan pentadbiran dan pengurusan yang berkaitan dengan kehidupan harian pelajar. Perhubungan yang dianalisis ialah urusan di jabatan kerajaan, bank, pejabat fakulti dan hospital/klinik.

Jadual 5.9 : Bahasa yang Digunakan dalam Urusan Pentadbiran dan Pengurusan

Bahasa	Perhubungan untuk Urusan di Jabatan Kerajaan		Perhubungan untuk Urusan di Bank		Perhubungan untuk Urusan di Pejabat Fakulti		Perhubungan untuk Urusan di Hospital/Klinik	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Thai	142	96.6	143	97.3	131	89.1	129	87.8
Melayu	0	0	0	0	2	1.4	2	1.4
Melayu + Thai	5	3.4	3	2.0	14	9.5	15	10.2
Thai + Inggeris	0	0	1	0.7	0	0	1	0.7
Jumlah	147	100.0	147	100.0	147	100.0	147	100.0

Jadual 5.9 di atas jelas menunjukkan penggunaan bahasa Thai adalah amat dominan dalam keempat-empat perhubungan tersebut. Bagi tujuan berhubung dengan jabatan kerajaan, seramai 142 orang (96.6 peratus) menggunakan bahasa Thai, selebihnya iaitu 5 orang (3.4 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod. Apabila ditanya kepada kelima-lima orang responden tersebut di mana letaknya jabatan kerajaan yang boleh menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod itu, mereka mengatakan

mereka berasal dari Narathiwat, yakni wilayah yang bersempadan dengan Malaysia. Bentuk bahasa ini hanya boleh digunakan untuk berhubung dengan kakitangan kerajaan di wilayah tersebut, kerana kakitangan kerajaan di kawasan itu kebanyakannya boleh bertutur dalam bahasa Melayu dialek Patani. Walau bagaimanapun, urusan bertulis perlu dalam bahasa Thai.

Untuk berurusan dengan bank, seramai 143 (97.3 peratus) menggunakan bahasa Thai, 3 orang (2.0 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod dan seorang (0.7 peratus) menggunakan bahasa Thai dan bahasa Inggeris secara percampuran kod apabila berurusan di bank. Hasil daripada temu bual dengan tiga orang responden yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod tersebut, mereka mengatakan kampung tempat tinggal mereka adalah di perkampungan Melayu di Yala dan Narathiwat. Kebanyakan pekerja bank boleh bertutur dalam kedua-dua bahasa dengan fasih. Oleh itu, apabila berurusan dengan bank, mereka boleh menggunakan bentuk bahasa yang berkenaan. Walau bagaimanapun, segala borang atau dokumen bank semuanya dalam bahasa Thai. Responden yang menggunakan bahasa Thai dan bahasa Inggeris secara percampuran kod itu pula mengatakan tempat tinggal asal beliau adalah di kawasan yang berhampiran dengan bandar raya Bangkok dan beliau menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Semasa berurusan di pejabat fakulti, iaitu pejabat yang menguruskan urusan pengajian pelajar dan tempat terletaknya bilik-bilik pensyarah bahasa Thai

memang menjadi pilihan utama. Seramai 131 orang responden (89.1 peratus memilih untuk menggunakan bahasa Thai, 14 orang (9.5 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod, manakala selebihnya iaitu 2 orang (1.4 peratus) menggunakan bahasa Melayu. Apabila ditanya kepada responden yang memilih untuk menggunakan bahasa Thai, mereka mengatakan Pejabat Fakulti adalah jabatan kerajaan. Mereka telah biasa menggunakan bahasa Thai untuk urusan rasmi. Bagi responden yang memilih untuk menggunakan bahasa Melayu, mereka mengatakan di Pejabat Fakulti sahajalah tempat mereka boleh mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu yang mereka pelajari. Hasil daripada pemerhatian di pejabat fakulti ini, didapati semua pensyarah kursus bahasa Melayu sedaya upaya menggunakan bahasa Melayu dengan pelajar. Di pejabat ini, terdapat dua orang staf pentadbiran yang juga menguasai bahasa Melayu dialek Patani. Responden yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod itu pula mengatakan mereka lebih selesa menggunakan bahasa Thai, namun cuba menggunakan bahasa Melayu secara bercampur kerana mereka ingin mempraktikkan bahasa Melayu yang dipelajari.

Untuk berurusan di hospital/ klinik seramai 129 orang (87.8 peratus) memilih untuk menggunakan bahasa Thai, 2 orang (1.4 peratus) menggunakan bahasa Melayu, 15 orang (10.2 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod dan seorang (0.7 peratus) menggunakan bahasa Thai dan bahasa Inggeris secara percampuran kod. Apabila ditanya tentang tempat tinggal, kedua-dua orang responden yang mengatakan mereka

menggunakan bahasa Melayu untuk berurusan di hospital/klinik, memberitahu bahawa mereka tinggal di daerah Takbai, yakni daerah yang bersempadan dengan Malaysia. Responden yang memilih menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod juga mengatakan mereka tinggal di wilayah Yala dan Narathiwat dan bentuk bahasa bercampur berkenaan memang digunakan di hospital/klinik di kawasan tempat tinggal mereka. Responden yang memilih penggunaan bahasa Thai dan bahasa Inggeris secara percampuran kod itu pula tinggal di Bangkok.

Jadual 5.9 di atas jelas menunjukkan bahasa Thai merupakan bahasa yang menjadi pilihan kebanyakan responden dalam urusan pentadbiran dan pengurusan. Pemilihan bahasa dalam domain ini amat dipengaruhi tempat berlakunya perbualan, interlokutor dan situasi perbualan, sama ada formal atau tidak formal. Segala urusan yang berkaitan dengan jabatan kerajaan, urusan bank, pejabat fakulti dan hospital/klinik berlatarbelakangkan tempat yang rata-rata berkait dengan dasar kerajaan atau pentadbiran negara. Oleh sebab bahasa Thai merupakan satu-satunya bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara tersebut, maka responden dan interlokutor cenderung untuk menggunakan bahasa pemerintah. Dalam domain ini situasi perbualannya juga adalah bersifat formal, maka responden tentunya lebih cenderung menggunakan bahasa pemerintah. Walaupun ada responden yang menggunakan bahasa lain, namun bilangannya amat kecil.

5.1.5 **Domain Jual Beli**

Domain jual beli terbentuk dalam situasi perhubungan di antara pelajar atau responden dengan pekedai, peniaga atau jurujual. Aktiviti perniagaan yang amat berkaitan dengan pelajar adalah peniagaan yang berkaitan dengan keperluan harian pelajar seperti perniagaan makanan, pakaian, ubat-ubatan dan alat tulis. Berdasarkan pemerhatian kepada gaya hidup kebanyakan pelajar, untuk mendapatkan keperluan tersebut pelajar sering pergi ke pasar raya/ gedung membeli belah, kedai makan/kafetaria, farmasi/ kedai ubat, gerai atau pasar dan kedai buku dan alat tulis.

Pasar raya atau pusat membeli belah yang besar memang terdapat di kebanyakan bandar di Selatan Thai. Para pelajar sering membeli barang keperluan di pasar raya, terutamanya selepas mendapat wang pembiayaan pendidikan daripada ibu bapa atau penaja. Biasanya pelajar akan pergi ke gedung membeli belah untuk membeli barang yang lebih berkualiti atau berjenama. Bagi pelajar Universiti Walailak, mereka akan pergi ke bandar Nakhon Sri Tammarat yang jauhnya lebih kurang empat puluh lima kilometer dari universiti berkenaan dengan menaiki bas atau ‘Tuk-tuk’.

Pelajar Universiti Prince of Songkla pula memang mudah untuk pergi ke pasar raya kerana pasar raya yang terdekat terletak lebih kurang dua kilometer dari universiti berkenaan, kerana universiti tersebut terletak di bandar Pattani.

Daripada pengalaman dan pemerhatian pengkaji, bahasa Melayu boleh digunakan untuk jual beli di pasar raya atau pusat membeli belah di Pattani, tetapi tidak seorang pun juru jual di pusat membeli belah di Nakhon Sri Tammarat yang boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Kedai ubat /farmasi dan kedai buku memang terdapat di bandar-bandar dan di dalam kampus. Kafetaria atau kedai makan yang biasa dikunjungi oleh pelajar terdapat di dalam dan luar kampus. Kafetaria atau kedai makan di kedua-dua universiti menyediakan makanan halal dan makanan tidak halal. Oleh sebab kedua-dua universiti terletak di kawasan majoriti penduduk sekitarnya beragama Islam, kebanyakan peniaga adalah beragama Islam dan dwibahasa, iaitu menguasai dialek Melayu Patani dan bahasa Thai. Pasar dan gerai juga terdapat di dalam kampus dan luar kampus . Di Universiti Walailak, ada disediakan kawasan khas untuk gerai dan pasar yang dibuka setiap hari dari pukul lima petang hingga pukul sepuluh malam. Di pasar ini terdapat banyak gerai yang menjual makanan, kuih-muih dan buah-buahan khas untuk warga kampus. Pasar pagi juga dibuka setiap hari di pekan kecil daerah Thasala yang jaraknya lebih kurang tiga kilometer dari universiti. Hasil daripada pemerhatian dan temu bual didapati sembilan puluh peratus daripada peniaga dan pembelinya adalah beragama Islam, namun bahasa Melayu tidak digunakan langsung dalam urusan jual beli di sini.

Di Universiti Prince of Songkla pula, oleh sebab universiti ini terletak di bandar Pattani, memang terdapat banyak gerai menjual makanan dan pasar di luar kawasan kampus. Terdapat Bazar tempat menjual segala jenis barang keperluan

seperti makanan, kuih-muih, buah-buahan dan pakaian. Daripada pemerhatian, didapati di Bazar ini, apabila pelanggan yang datang itu pertengahan umur dan beragama Islam penjual atau peniaga yang beragama Islam akan menggunakan bahasa Melayu dialek Patani. Di Bazar ini juga didapati kebanyakan peniaganya adalah beragama Islam.

Untuk tujuan analisis, domain jual beli ini dibahagikan kepada dua berdasarkan kedai barang khusus dan kedai yang menjual barang pelbagai. Kedai barang khusus yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah kedai makan/kafetaria, kedai ubat/farmasi dan kedai buku/alat tulis. Kedai barang pelbagai terdiri daripada pasar raya/gedung membeli belah dan gerai/pasar.

5.1.5.1 **Perhubungan untuk Jual Beli Barang Khusus**

Jadual 5.10 di bawah menunjukkan bahasa perhubungan untuk jual beli di kedai barang khusus, iaitu kedai makan/ kafetaria, kedai ubat/ farmasi dan kedai buku/ alat tulis. Tiga bentuk bahasa menjadi pilihan responden, iaitu bahasa Thai, bahasa Melayu dan bahasa Thai dan bahasa Melayu secara percampuran kod.

Jadual 5.10 : Bahasa yang Digunakan untuk Membeli di Kedai Makan/Kafetaria, Kedai Ubat/Farmasi dan Kedai Buku dan Alat Tulis

Bahasa	Perhubungan di Kedai Makan/kafetaria		Perhubungan di kedai ubat/farmasi		Perhubungan di kedai buku dan alat tulis	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Thai	79	53.8	116	78.9	109	74.1
Melayu	18	12.2	3	2.0	9	6.1
Melayu + Thai	50	34.0	28	19.1	29	19.8
Jumlah	147	100.0	147	100.0	147	100.0

Bahasa yang menjadi pilihan utama responden adalah bahasa Thai, diikuti dengan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod dan sebilangan kecil menggunakan bahasa Melayu. Seramai 79 orang (53.8 peratus) memilih untuk menggunakan bahasa ini ketika memesan atau membeli makanan di kedai makan/ kafetaria. Bahasa yang menjadi pilihan kedua ialah bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod, dengan seramai 50 orang (34.0 peratus), memilih untuk menggunakan bentuk bahasa yang sedemikian. Selebihnya, iaitu 18 orang (12.2 peratus) memilih untuk menggunakan bahasa Melayu.

Bagi tujuan perhubungan untuk membeli di kedai ubat/ farmasi, seramai 116 orang (78.9 peratus) memilih untuk menggunakan bahasa Thai, 28 orang (19.1 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod dan selebihnya, iaitu 3 orang (2.0 peratus) memilih untuk menggunakan bahasa Melayu.

Akhir sekali, untuk tujuan membeli di kedai buku/ alat tulis, seramai 109 orang (74.1 peratus) memilih untuk menggunakan bahasa Thai, 29 orang (19.8 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod, dan selebihnya, iaitu 9 orang (6.1 peratus) menggunakan bahasa Melayu untuk tujuan tersebut.

Dapatan ini menunjukkan interlokutor dan tempat amat mempengaruhi penggunaan bahasa responden. Bilangan responden yang menggunakan bahasa Thai di kedai ubat/farmasi (78.9 peratus) dan kedai buku/ alat tulis (74.1 peratus) lebih tinggi berbanding dengan di kedai makan/ kafetaria yang hanya berjumlah 53.7 peratus. Daripada pemerhatian dan temu bual dengan responden, mereka mengatakan kebanyakan kedai ubat/ farmasi dan kedai buku/ alat tulis peniaganya adalah bukan Islam. Semua responden yang beragama Islam mengatakan mereka hanya makan di kedai makan/ kafeteria yang peniaganya merupakan orang Islam. Responden juga mengatakan mereka lebih sering pergi ke kedai buku yang terletak di kedai buku dalam kampus. Untuk urusan yang sedemikian, mereka lebih selesa menggunakan bahasa Thai kerana buku-buku dan alat tulis dipasarkan

dalam bahasa Thai. Apabila ditanya kepada responden yang menggunakan bahasa Melayu untuk urusan membeli di kedai ubat/farmasi dan kedai buku/ alat tulis, mereka mengatakan mereka mengikuti kursus major syariah dan hanya pergi ke kedai buku Islam dan kedai ubat orang Islam sahaja. Kebanyakan peniaga Islam menguasai bahasa Melayu dan bahasa Thai dan mereka lebih selesa menggunakan bahasa Melayu. Untuk membeli ubat-ubatan, mereka lebih suka pergi ke kedai ubat/farmasi kepunyaan orang Islam, walaupun bilangan kedai ubat/ farmasi kepunyaan orang Islam tidak banyak.

Bagi responden yang memilih menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod, mereka mengatakan mereka tinggal di kawasan yang bersempadan dengan Malaysia, dan kebanyakan peniaga di kawasan mereka beragama Islam dan menggunakan bentuk bahasa yang sedemikian.

5.1.5.2 Perhubungan untuk Jual Beli Barang Pelbagai

Jadual 5.11 di bawah menunjukkan bahasa perhubungan untuk jual beli di kedai barang pelbagai, iaitu di pasar raya/ gedung membeli belah dan di pasar/ gerai. Tiga bentuk bahasa menjadi pilihan responden, iaitu bahasa Thai, bahasa Melayu dan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod.

**Jadual 5.11 : Bahasa yang Digunakan untuk Membeli di Pasar Raya/
Gedung Membeli Belah dan Pasar/Gerai**

Bahasa	Perhubungan di Pasar Raya/ Gedung Membeli Belah		Perhubungan di Pasar/Gerai	
	Bil.	%	Bil	%
Thai	77	52.4	86	58.5
Melayu	22	15.0	19	12.9
Melayu + Thai	48	32.6	42	28.6
Jumlah	147	100.0	147	100.0

Bahasa yang menjadi pilihan utama responden adalah bahasa Thai, diikuti dengan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod dan sebilangan kecil menggunakan bahasa Melayu. Seramai 77 orang (52.4 peratus) memilih untuk menggunakan bahasa ini ketika membeli belah di pasar raya/ gedung membeli belah. Bahasa yang menjadi pilihan kedua ialah bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod, dengan seramai 48 orang (32.6 peratus), memilih untuk menggunakan bentuk bahasa yang sedemikian. Selebihnya, iaitu 22 orang (15.0 peratus) memilih untuk menggunakan bahasa Melayu.

Ketika membeli di pasar/ gerai, seramai 86 orang (58.5 peratus) memilih untuk menggunakan bahasa Thai, 42 orang (28.6 peratus) menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod dan selebihnya iaitu 19 orang (12.9 peratus) memilih untuk menggunakan bahasa Melayu.

Dapatan ini menunjukkan ciri yang sama seperti bahasa perhubungan untuk jual beli barang khusus. Semasa jual beli barang pelbagai ini, penggunaan bahasa responden amat dipengaruhi oleh interlokutor dan tempat. Bilangan responden yang menggunakan bahasa Thai di pasar raya/ gedung membeli belah (52.4 peratus) dan pasar/ gerai (58.5 peratus) menunjukkan dalam domain jual beli ini, bahasa Thai lebih dominan berbanding bahasa lain.

Penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod mendapat tempat kedua dengan penggunaannya di pasar raya/ gedung membeli belah sebanyak 32.6 peratus dan di pasar/ gerai 28.6 peratus. Penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya hanya dipilih oleh 15.0 peratus responden untuk perhubungan di pasar raya/ gedung membeli belah dan 12.9 peratus responden untuk perhubungan di pasar/ gerai. Responden yang memilih bentuk bahasa begini mengatakan, bahawa di gedung membeli belah di wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat, ramai di antara pekerjanya yang beragama Islam dan boleh berbahasa Melayu dialek Patani. Mereka biasanya akan menggunakan bahasa Melayu dialek Patani sepenuhnya ataupun bahasa Melayu dialek Patani dan bahasa Thai secara

percampuran kod apabila berurusan dengan pelanggan yang memulakan percakapan dengan bentuk bahasa yang sedemikian.

5.1.6 Domain Keagamaan

Dalam konteks agama, seperti yang telah dinyatakan dalam 4.3.1 seramai 114 orang responden (77.6 peratus) beragama Islam dan selebihnya, iaitu 33 orang (22.4 peratus) beragama Buddha. Dalam kajian ini, domain keagamaan dilihat dari empat situasi, iaitu situasi dalam upacara berdoa/sembahyang di tempat ibadat, dan dalam upacara berdoa/ sembahyang di rumah/asrama. Di tempat ibadat seperti masjid, surau biasanya upacara berdoa atau sembahyang dilakukan dengan adanya imam dan beramai-ramai. Di rumah/asrama responden akan bersembahyang dan berdoa secara bersendirian. Situasi lain yang termasuk dalam domain keagamaan, adalah upacara pertunangan/perkahwinan dan upacara kelahiran/kematian Bagi responden yang beragama Islam, tempat ibadat yang dimaksudkan di sini adalah di masjid ataupun surau. Bagi responden yang beragama Buddha, rumah ibadat mereka adalah di kuil/wat atau rumah ibadat yang lain. Upacara sembahyang/berdoa di rumah/asrama juga turut dikaji. Ini kerana di rumah/asrama, suasannya tentulah berbeza berbanding dengan di masjid/surau atau rumah ibadat. Dengan kata lain, dalam domain keagamaan ini penggunaan bahasa dilihat dalam situasi berlakunya upacara keagamaan atau yang berkait dengan keagamaan, sama ada berlatarkan masjid, surau, kuil/wat, rumah, asrama dan tanah perkuburan.

Upacara keagamaan merupakan upacara yang diberi status tinggi dan daripada pemerhatian, didapati adanya buku panduan yang rasmi. Oleh itu, didapati bagi responden yang beragama Islam didapati tiga bahasa digunakan, dengan darjah penggunaan yang berbeza-beza, iaitu bahasa Arab, bahasa Melayu dan Bahasa Thai. Terdapat juga bentuk percampuran kod. Bagi responden yang beragama Buddha bahasa Thai digunakan sepenuhnya.

Kebanyakan acara yang berkait dengan agama seperti perkahwinan, pertunangan, kelahiran dan kematian merupakan satu peristiwa penting yang rasmi. Oleh itu daripada pemerhatian, didapati penggunaan bahasa Melayu dalam konteks ini adalah bahasa Melayu Standard seperti yang digunakan dalam buku atau teks, di samping dialek Melayu Patani digunakan untuk menerangkan maksud. Dalam situasi berdoa atau sembahyang, bahasa Arab adalah bahasa utama diikuti dengan bahasa Melayu atau bentuk percampuran kod Arab Melayu.

5.1.6.1 **Bahasa dalam Upacara Berdoa/ Sembahyang di Tempat Ibadat dan di Rumah/ Asrama**

Jadual 5.12 di bawah menunjukkan bahasa-bahasa yang digunakan dalam upacara berdoa/sebahyang, sama ada di tempat ibadat atau rumah/asrama. Terdapat dua jenis bahasa yang menjadi pilihan utama responden, iaitu bahasa Thai dengan seramai 45 orang (30.6 peratus) responden menggunakan dalam upacara berdoa/ sembahyang di tempat ibadat dan seramai 43 orang (29.2 peratus)

yang menggunakannya dalam upacara sembahyang/ berdoa di rumah/ asrama. Bahasa Arab adalah amat dominan dengan seramai 53 orang (36.1 peratus) responden menggunakannya dalam upacara berdoa/ sembahyang di tempat ibadat, dan seramai 52 orang (35.4 peratus) menggunakannya dalam upacara berdoa/ sembahyang di rumah/asrama.

Bahasa-bahasa lain yang juga menjadi pilihan untuk digunakan dalam upacara berdoa/sebahyang adalah bahasa Melayu, bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod, bahasa Melayu dan bahasa Arab secara percampuran kod, bahasa Thai dan bahasa Arab secara percampuran kod dan bahasa Thai, bahasa Melayu dan bahasa Arab secara percampuran kod.

Jadual 5.12 : Bahasa Yang Digunakan dalam Upacara Berdoa/ Sembahyang di Tempat Ibadat dan di Rumah/ Asrama

Bahasa	Dalam Upacara Berdoa/ Sembahyang Di Tempat Ibadat		Dalam Upacara Berdoa/ Sembahyang di Rumah/ Asrama	
	Bil.	%	Bil	%
Thai	45	30.6	43	29.2
Melayu	20	13.6	20	13.6
Arab	53	36.1	52	35.4
Melayu + Thai	8	5.4	12	8.2
Melayu + Arab	18	12.2	17	11.5
Thai + Arab	2	1.4	2	1.4
Thai + Melayu + Arab	1	0.7	1	0.7
Jumlah	147	100.0	147	100.0

Seramai 20 orang (13.6 peratus) menggunakan bahasa Melayu dalam upacara berdoa/sembahyang di rumah ibadat dan jumlah yang sama juga menggunakan bahasa ini dalam upacara berdoa/sembahyang di rumah/ asrama. Sejumlah 8 orang (5.4 peratus) responden menggunakan bahasa Melayu dan

bahasa Thai secara percampuran kod dalam upacara ini di tempat ibadat, manakala seramai 12 orang (8.2 peratus) menggunakan bentuk bahasa ini dalam upacara tersebut di rumah/asrama. Bahasa Melayu dan bahasa Arab secara percampuran kod digunakan oleh sejumlah 18 orang (12.2 peratus ketika berdoa/sembahyang di rumah ibadat, manakala sejumlah 17 orang (11.5 peratus) menggunakannya dalam upacara ini semasa di rumah/asrama. 2 orang (1.4 peratus) menggunakan bahasa Thai dan Melayu secara percampuran kod semasa upacara berdoa/ sembahyang di rumah ibadat dan di rumah/asrama. Seorang responden (0.7 peratus) pula memilih bahasa Thai, bahasa Melayu dan bahasa Arab secara percampuran kod di ketika berdoa/ sembahyang di rumah ibadat dan di rumah/asrama.

Dapatan ini menunjukkan bahasa Arab adalah bahasa pilihan utama digunakan dalam upacara berdoa/sembahyang. Ini disebabkan bilangan responden yang beragama Islam adalah 76.4 peratus dan bahasa Arab memang merupakan bahasa yang digunakan oleh umat Islam semasa bersembahyang tidak kira semasa di masjid, surau atau di rumah. Walau bagaimanapun untuk tujuan berdoa, umat Islam boleh memilih apa-apa bahasa yang dikuasainya. Dengan itu didapati adanya sebilangan responden yang menggunakan bahasa selain daripada bahasa Arab seperti bahasa Melayu ataupun menggunakan bentuk percampuran kod seperti yang dapat dilihat dalam jadual di atas.

Bagi bahasa Thai, bahasa ini digunakan oleh rata-rata responden yang beragama Buddha untuk tujuan berdoa/sembahyang. Seperti yang telah dinyatakan 33 orang responden (22.4 peratus) adalah beragama Buddha. Ini bermakna terdapat juga responden yang beragama Islam yang menggunakan bahasa Thai sahaja semasa berdoa/bersembahyang, walaupun angkanya agak kecil, iaitu hanya 12 orang (8.2 peratus) sahaja.

5.1.6.2 Bahasa dalam Upacara Pertunangan/Perkahwinan dan Upacara Kelahiran/ kematian

Upacara pertunangan dan perkahwinan merupakan upacara yang berkaitan dengan cara hidup. Upacara ini melibatkan dua aspek, iaitu adat resam dan keagamaan. Bagi responden yang beragama Islam, adat resam Melayu dan agama Islam mempengaruhi penggunaan bahasa dalam upacara ini. Bagi responden yang beragama Buddha, adat resam bangsa Thai dan agama Buddha pula yang mempengaruhi upacara berkenaan. Begitu jugalah dengan upacara yang dilangsungkan khusus untuk menyambut kelahiran bayi dan kematian ahli keluarga. Faktor agama dan bangsa amat mempengaruhi.

Jadual 5.13 di bawah menunjukkan bahasa yang digunakan dalam upacara pertunangan/ perkahwinan dan dalam upacara kelahiran/ kematian di kalangan ahli keluarga responden.

Jadual 5.13 : Bahasa yang Digunakan dalam Upacara Pertunangan/ Perkahwinan dan Upacara Kelahiran/ Kematian

Bahasa	Dalam Upacara Pertunangan/ Perkahwinan		Dalam Upacara Kelahiran/ Kematian	
	Bil.	%	Bil	%
Thai	42	28.6	41	27.9
Melayu	76	51.7	74	50.3
Arab	0	0	9	6.1
Melayu + Thai	15	10.1	8	5.4
Melayu + Arab	12	8.2	12	8.2
Pali	2	1.4	3	2.1
Jumlah	147	100.0	147	100.0

Bahasa Melayu didapati menjadi pilihan utama responden dalam upacara pertunangan/perkahwinan dengan seramai 76 orang (51.7 peratus) responden menggunakan bahasa ini dalam upacara tersebut. Bahasa Melayu juga menjadi pilihan utama dalam upacara kelahiran/ kematian, dengan seramai 74 orang (50.3 peratus) menggunakannya dalam upacara ini.

Bahasa Thai menjadi pilihan kedua terbanyak, dengan seramai 42 orang (28.6 peratus) menggunakan bahasa ini dalam upacara pertunangan/perkahwinan dan seramai empat puluh satu orang (27.9 peratus) menggunakan bahasa ini untuk upacara kelahiran/ kematian.

Penggunaan bahasa secara percampuran kod juga dipilih oleh responden, dengan seramai 15 orang (10.1 peratus) menggunakan percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai untuk upacara pertunangan/perkahwinan. Dalam upacara kelahiran dan kematian pula, seramai 8 orang (5.4 peratus) menggunakan bentuk percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai ini. Ada juga responden yang menggunakan bentuk percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Arab dalam kedua-dua upacara tersebut. Seramai 12 orang (8.2 peratus) menggunakaninya dalam upacara pertunangan/perkahwinan dan jumlah yang sama juga menggunakan bentuk percampuran kod ini dalam upacara kelahiran/ kematian.

Jadual 5.13 juga menunjukkan dalam upacara pertunangan dan perkahwinan, bahasa Arab sepenuhnya tidak digunakan. Tetapi, dalam upacara kelahiran/ kematian seramai 9 orang (6.1 peratus) mengatakan menggunakan bahasa Arab. Hasil daripada pemerhatian dalam satu majlis perkahwinan di Yala dan temubual dengan responden, mereka mengatakan apa-apa majlis yang berkaitan dengan agama dan budaya masyarakat Islam di kawasan ini, doa memang dibaca dalam bahasa Arab. Namun begitu untuk perbincangan atau

upacara pernikahan atau pertunangan, bahasa Melayu Standard digunakan. Pengantin lelaki mesti tahu melafazkan nikah dalam bahasa Melayu Standard. Ini kerana upacara pernikahan dijalankan dalam bahasa Melayu, terutamanya di ketiga-tiga buah wilayah selatan, iaitu Yala, Pattani dan Narathiwat dan di sesetengah perkampungan di daerah Satun. Surat nikah juga dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam di wilayah-wilayah tersebut dalam bahasa Melayu Standard dengan menggunakan tulisan Jawi.

Satu lagi bahasa yang turut digunakan, adalah bahasa Pali. Sebanyak 2 orang (1.4 peratus) mengatakan menggunakan bahasa ini dalam upacara pertunangan/perkahwinan. Dalam upacara kelahiran/ kematian pula, seramai 3 orang (2.1 peratus) mengatakan menggunakan bahasa tersebut. Semua responden yang memilih untuk menggunakan bahasa Pali ini adalah beragama Buddha. Hasil daripada temu bual dengan beberapa orang responden yang beragama Buddha, mereka mengatakan Sami yang menjalankan upacara perkahwinan/pertunangan dan kematian/kelahiran memang membaca mentera atau doa dalam bahasa Pali, tetapi orang biasa hanya menggunakan bahasa Thai.

Perangkaan dalam Jadual 5.13 di atas menunjukkan bahasa Melayu merupakan bahasa yang dominan dalam upacara pertunangan/ perkahwinan dan kelahiran/kematian. Ini disebabkan kebanyakan responden dalam kajian ini adalah berketurunan Melayu dan beragama Islam. Bahasa Thai menjadi bahasa pilihan kedua terbanyak. Faktor daerah asal dan agama amat mempengaruhi responden

yang menggunakan bahasa Thai ini. Sebahagian besar adalah beragama Buddha dan sebahagian lagi yang beragama Islam. Responden yang beragama Islam yang menggunakan bahasa Thai ini, rata-rata tidak berasal atau tinggal di wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat. Sebahagian mereka ini tinggal di Trang, Patthalung, Phuket, Nakhon Sri Tammarat dan utara negara Thai seperti Chiang Mai dan Chiang Rai.

Semua responden yang menggunakan bahasa secara percampuran kod, iaitu, sama ada bahasa Melayu dan bahasa Thai atau bahasa Melayu dan bahasa Arab ini rata-rata beragama Islam dan tinggal di kawasan sempadan Malaysia.

Bahasa Pali di Thailand adalah bahasa yang bersinonim dengan agama Buddha. Untuk menjadi sami Buddha, seseorang itu perlu mengetahui dan menguasai bahasa tersebut. Bahasa ini adalah bahasa yang digunakan dalam semua ritual agama Buddha di Thailand. Berdasarkan Jadual 5. 12 dan 5.13 di atas, bahasa ini tidak digunakan oleh responden dalam upacara berdoa/sembahyang, sama ada di kuil/ wat atau di rumah/asrama, tetapi didapati bahasa ini digunakan dalam upacara pertunangan/perkahwinan dan upacara kelahiran/ kematian. Apabila ditanya kepada responden yang beragama Buddha, mereka mengatakan masyarakat biasa tidak perlu mengetahui bahasa tersebut. Hanya sami yang perlu mengetahuinya untuk memudahkan mereka mendapat maklumat dan menjalankan ritual dalam agama Buddha. Upacara pertunangan/perkahwinan dan upacara kelahiran/ kematian akan dijalankan oleh

sami dan ritual dalam upacara tersebut dijalankan dengan sebahagiannya dalam bahasa Thai dan sebahagian lagi dalam bahasa Pali mengikut keperluan.

5.2 Kesimpulan

Bahasa Melayu dikesan sebagai salah satu bahasa yang digunakan oleh responden dalam keenam-enam domain. Namun begitu didapati keseluruhan pelajar yang beragama Buddha (33 orang) tidak menggunakan bahasa Melayu dalam sebarang domain. Hampir keseluruhannya menggunakan bahasa Thai dalam setiap domain, kecuali seorang pelajar yang menggunakan bahasa Inggeris dalam domain tertentu, iaitu domain persahabatan dan domain kejiranian. Dan dua tiga orang mengatakan menggunakan bahasa Pali dalam domain keagamaan.

Dalam domain kekeluargaan penggunaan bahasa responden dipengaruhi oleh aspek agama. Responden yang beragama Buddha menggunakan bahasa Thai dalam domain kekeluargaan, manakala responden yang beragama Islam sebahagian besar menggunakan bahasa Melayu. Tempat tinggal asal responden amat mempengaruhi penggunaan bahasa di kalangan responden yang beragama Islam. Rata-rata responden yang menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod tinggal di wilayah-wilayah yang bersempadan dengan Malaysia atau hampir dengan Malaysia, seperti Yala, Pattani, Narathiwat dan beberapa perkampungan yang masih menggunakan dialek Melayu di Satun.

Dalam domain kekeluargaan ini juga didapati faktor umur interlokutor mempengaruhi peratusan penggunaan bahasa Melayu mereka. Peratus responden yang menggunakan bahasa Melayu dengan datuk dan nenek adalah paling tinggi. Peratusan ini menurun dalam perhubungan dengan ibu bapa dan ibu bapa saudara. Peratusan penggunaan bahasa Melayu ini semakin menurun dalam perhubungan dengan adik-beradik dan sepupu.

Dalam domain kejiranan bahasa Melayu didapati menjadi pilihan utama responden yang beragama Islam. Umur interlokutor mempengaruhi peratusan penggunaan bahasa Melayu mereka. Semakin tua umur jiran, semakin bertambah peratusan penggunaan bahasa Melayu. Hal yang sama juga berlaku kepada peratusan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod. Penggunaan bahasa bentuk percampuran kod ini lebih tinggi di kalangan usia dua puluh hingga enam puluh tahun, berbanding dengan penggunaannya di kalangan responden yang berusia enam puluh tahun ke atas. Ini kerana apabila berhubung dengan jiran yang berumur lebih daripada enam puluh tahun, mereka lebih banyak menggunakan bahasa Melayu sahaja.

Dalam domain persahabatan, bahasa Melayu bukanlah menjadi pilihan utama, sebaliknya hanya pilihan ketiga terbanyak. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod menjadi pilihan kedua terbanyak. Responden didapati lebih banyak menggunakan bahasa

Thai, sama ada dengan sahabat di dalam kampus, ataupun luar kampus. Interlokutor didapati mempengaruhi penggunaan bahasa dalam domain ini. Bagi pelajar, sahabat mereka biasanya adalah rakan sekursus atau rakan sebaya yang sama-sama mendapat pendidikan sehingga ke peringkat universiti. Oleh itu, faktor kebiasaan menggunakan bahasa semasa di sekolah atau universiti mempengaruhi mereka.

Dalam domain pentadbiran dan pengurusan pula, bahasa Melayu didapati hampir tidak digunakan. Kalau ada pun yang menggunakannya, bilangannya amat kecil dan hanya untuk perbualan sahaja.

Dalam domain jual beli, bahasa Thai menjadi pilihan utama responden. Walaupun begitu penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod menjadi pilihan kedua terbanyak untuk perhubungan di kedai makan, pasar raya dan pasar/gerai.

Dalam domain keagamaan, responden yang beragama Buddha menggunakan bahasa Thai. Bagi responden yang beragama Islam, dalam upacara berdoa/sembahyang, bahasa Arab merupakan bahasa yang digunakan, di samping bahasa Melayu dan bahasa Arab secara percampuran kod. Dalam upacara pertunangan/perkahwinan dan kelahiran/kematian, bagi responden yang beragama Islam, bahasa Melayu menjadi pilihan utama. Bagi responden yang beragama Buddha, mereka menggunakan bahasa Thai.

Dapatlah disimpulkan di sini, bahawa bahasa Melayu digunakan lebih kerap dalam domain kekeluargaan, terutamanya yang berkaitan dengan adat resam hidup oleh pelajar yang beragama Islam. Dalam domain lain seperti jual beli, kadangkala bahasa Melayu ada digunakan, walaupun kebanyakannya dalam bentuk percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai.

Daerah tempat tinggal dan agama amat mempengaruhi penggunaan bahasa responden. Responden yang banyak menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod didapati berasal dari wilayah-wilayah yang bersempadan dengan Malaysia. Bagi responden yang berasal atau tinggal di kawasan lain, walaupun mereka beragama Islam tetapi mereka tidak menggunakan bahasa Melayu dalam hampir kesemua domain.

Bahasa Melayu yang digunakan oleh responden ini ada dua bentuk, iaitu bahasa Melayu Standard seperti yang digunakan di Malaysia dan bahasa Melayu dialek Patani. Dalam domain formal seperti domain agama, iaitu upacara perkahwinan/pertunangan dan kelahiran/kematian, bahasa Melayu Standard digunakan. Dalam domain tidak formal seperti domain kekeluragaan dan domain kejiraninan, bahasa Melayu dialek Patani digunakan.